

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

STU335 - Kerja Sosial Perubatan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan di Bahagian A **WAJIB** dijawab. Jawab **DUA (2)** soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

Soalan di bahagian ini WAJIB dijawab.

Soalan 1

Sebagai seorang pekerja sosial perubatan, apakah langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk mencegah penggunaan dadah di tempat kerja?

(100 markah)

Bahagian B

Pilih **DUA (2)** soalan dari bahagian ini.

Soalan 2

Anda seorang pekerja sosial perubatan di sebuah hospital. Seorang remaja telah dijangkiti HIV melalui seks rambang dan beliau telah dirujuk kepada anda untuk mendapatkan kaunseling. Bincangkan:

- a) pemahaman anda tentang seksualiti remaja.
- b) Maklumat yang perlu diambil daripada beliau berhubung dengan HIV.
- c) Keterangan yang perlu diberikan kepada remaja tersebut berhubung dengan HIV.

(100 markah)

Soalan 3

Seksualiti manusia adalah satu perkara yang kompleks. Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi seksualiti manusia.

(100 markah)

Soalan 4

Bincangkan pemahaman anda tentang kerja sosial perubatan. Bagaimanakah ia membantu pegawai perubatan dan ahli profesional yang lain dalam merawat dan memulihkan kefungsi sosial pesakit.

(100 markah)

Soalan 5

Anda merupakan seorang pekerja sosial perubatan dan telah ditugaskan untuk menjawab segala jenis permasalahan yang ditulis kepada jabatan anda. Berikut adalah salah satu daripada surat yang ditulis kepada anda. Sila beri jawapan yang sesuai kepada surat yang dikirimkan.

Tuan/puan,

“Terperangkap dalam Permainan Cinta”

Selama tiga bulan kebelakangan ini saya tinggal dengan seorang teman wanita saya. Kami bekerja dalam organisasi yang sama. Saya bukanlah seorang lesbian sebelum ini.

Saya dan teman wanita saya sentiasa bertengkar. Selalunya dia yang akan memarahi saya dan kebiasaannya saya hanya mendinginkan diri saja. Dua minggu yang lepas, semasa perbalahan saya telah membalingkan sesuatu benda dan ia pecah. Saya juga ingin menamatkan perhubungan kami tetapi akhirnya kami berdamai semula. Teman wanita saya itu selalu saja ingin menang dalam perbalahan dan kerana cinta saya senantiasa beralah.

Selepas kejadian yang baru-baru ini saya mula melihat kelakuannya telah mula berubah. Dia tidak lagi memekik dan boleh berlaku adil kepada saya. Dia sendiri mengambil masa untuk keluar bersiar-siar dengan saya.

Malangnya seminggu selepas itu, kami bertengkar semula. Kali ini berkaitan dengan seorang wanita lain. Sejak hari itu perasaan saya telah mula berubah. Perasaan saya terhadapnya tidak lagi seperti dulu. Dia lebih mementingkan rakan-rakannya daripada saya terutama sekali “wanita tersebut.” Untuk pengetahuan anda, saya tidak pernah melakukan kerja-kerja membersihkan rumah, mencuci pinggan dan baju sebelum ini. Saya lakukan kesemuanya ini semata-mata untuk teman wanita saya. Saya rasa apa yang saya lakukan tidak dihargai langsung.

Teman wanita saya juga kerap berbohong. Saya selalu saja memaafkannya. Saya tahu bahawa saya sepatutnya boleh mendapat layanan lebih baik daripada ini. Saya pernah berlaku tidak adil sebelum ini kepada bekas-bekas kekasih saya yang mana kesemuanya lelaki. Adakah ini satu pembalasan ke atas perbuatan saya kepada mereka? Saya benar-benar sedang memikirkan untuk lari dari permainan cinta ini.

Cammillie

(100 markah)